

Pakaian tradisi di puncak Kinabalu

BU 10.01.2013

VI

Kota Kinabalu: Sebanyak 20 pakaian tradisi suku kaum negara ini diperagakan oleh 24 pelajar dan enam kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Program 1Malaysia di puncak Gunung Kinabalu.

Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian UMS, Alan James, berkata konsep 1Malaysia ditekankan dalam program bertemakan 'Knows Your Origin' bagi memberi kesedaran mengenai perpaduan utuh di sebalik kepelbagaiannya kaum di negara ini.

"Pemakaian beraneka jenis baju tradisional membawa maksud kepada kepelbagaiannya kaum yang mampu bersatu dalam satu negara, manakala aneka jenis corak dan warna pada pakaian tradisi pula melambangkan keunikan, keindahan dan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia," katanya.

Aktiviti unik itu anjuran Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Kelab UMS Cul'Art. Antara pakaian tradisional yang diperagakan di puncak tertinggi Malaysia itu ialah pakaian tradisi suku kaum Kadazan, Murut, Dusun, Bajau, Suluk, Melayu, Brunei, Cina dan India.

